

**Pakatan Rakyat Bawa Negara Ke Arah Kehancuran - Najib  
Bernama  
2 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pakatan rakyat yang sering memainkan isu perkauman tidak harus diberi peluang membentuk kerajaan kerana mereka akan hanya membawa negara ke arah kehancuran.

Perdana Menteri berkata pakatan rakyat sengaja memainkan isu perkauman semata-mata mahu memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), Ahad ini.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) lebih menekankan keharmonian dan kemajuan masyarakat berbilang bangsa dan tidak akan membenarkan sesiapa sahaja mengapi-apikan sentimen perkauman di negara ini.

"Jika anda main dengan isu perkauman semata-mata untuk menjadi popular atau mendapatkan kerusi, yang mana kerusi itu hanya akan diguna untuk hancurkan negara," katanya.

Najib, yang juga Pengerusi BN, berkata demikian pada majlis jamuan malam bersama Perdana Menteri anjuran Persatuan Perniagaan Wangsa Maju yang dihadiri seramai 10,000 orang di Prima Setapak di sini malam ini.

Hadir sama calon BN bagi kerusi Parlimen Wangsa Maju, Datuk Dr Mohd Shafie Abdullah dan penyandang kerusi Wee Choo Keong dari Bebas.

Najib berkata sebagai sebuah parti gabungan pelbagai kaum, BN sentiasa berpegang kepada polisi untuk memastikan rakyat akan menikmati keamanan dan keharmonian kaum, seperti yang diinginkan semua.

Beliau juga turut mengingatkan golongan ahli perniagaan supaya tidak mengambil risiko memilih pakatan rakyat kerana sebagai golongan peniaga, mereka mahu meminimakan risiko dalam perniagaan.

Beliau turut mengingatkan rakyat, terutamanya masyarakat Cina, supaya memberi sokongan kepada BN untuk memperolehi mandat kuat untuk terus memacu agenda transformasi negara, dan sekali gus menjayakan misi menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Najib juga turut merakamkan penghargaan kepada MCA kerana telah meminjamkan kerusi Parlimen Wangsa Maju untuk ditandingi oleh calon Umno pada PRU13 kali ini.

Beliau berkata aturan itu membuktikan kesepakatan yang dimiliki oleh parti komponen itu bagi membawa pembaharuan kepada kawasan tersebut.

Beliau turut berterima kasih kepada Wee kerana selama sepenggal menjadi wakil rakyat di situ, beliau telah membawa banyak isu berkaitan kepentingan penduduk setempat dan negara.

Najib berkata keputusan Wee untuk meninggalkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) perlu dilihat rakyat sebagai bukti jelas PKR dan parti pakatan rakyat yang lain, tidak mampu memberi khidmat dalam memajukan masyarakat dan negara.

Pada PRU13, Mohd Shafie akan menentang calon PKR Dr Tan Kee Kwong.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947059>